



Kemahiran Menulis

Standard Pembelajaran

3.2.2 Menghasilkan jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah secara kritis dan kreatif.

Baca dan fahami petikan. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikut.

Datuk Dr. Nik Safiah Karim



Datuk Dr. Nik Safiah Karim merupakan cendekiawan tanah air. Beliau berasal dari Kampung Banggol, Kota Bharu, Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Inggeris Perempuan Kota Bharu.

Beliau bekas pensyarah di Universiti Malaya. Kini, beliau memegang gelaran Profesor Emeritus. Beliau juga bekas Timbalan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Beliau seorang yang rajin, tekun, gigih berusaha, berdikari, penyabar, dan lemah lembut. Beliau pernah menjadi ahli jemputan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu.

Beliau merupakan seorang pakar bahasa yang sangat aktif memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu. Beliau sangat disegani dan menjadi idola bagi penuntut-penuntut universiti.



Kosa Kata

- cendekiawan – intelektual, golongan cerdik pandai
- idola – orang yang sangat dikagumi

1. Siapakah Datuk Dr. Nik Safiah Karim?
2. Datuk Dr. Nik Safiah Karim berasal dari mana?
3. Apakah jawatan yang pernah disandang oleh beliau?
4. Apakah sikap-sikap beliau yang wajar kita contohi?
5. Pada pendapat kamu, bagaimanakah kita dapat memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu di negara ini?

Tandatangan Guru: _____

Tarikh: _____